

30/05/2003

Sektor awam perlu fahami tekanan dihadapi swasta

Zain Azil

PAKEJ Strategi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 21 Mei lalu, menekankan empat strategi utama iaitu

menggalakkan pelaburan swasta, mengukuhkan daya saing, menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian (delivery system).

Pada hemat penulis, keberkesanan sistem penyampaian terutama oleh sektor awam berperanan paling penting dalam menentukan tahap kelajuan pencapaian tiga strategi terawal.

Faktor masa dari segi kecepatan mendapat pelbagai kelulusan dari pihak berkuasa awam amat mempengaruhi sentimen sektor swasta untuk melakukan pelaburan, lebih-lebih lagi untuk merintis dan menerokai punca pertumbuhan baru.

Kecekapan pihak berkuasa awam memberikan kelulusan segera dalam setiap urusan sektor swasta turut membantu mengukuhkan daya saing dan membantu usaha meningkatkan produktiviti.

Setiap pelaburan dari pihak swasta membabitkan pelbagai kos. Sebarang kelewatan mendapatkan kelulusan akan meningkatkan kos kewangan dalam bentuk 'holding cost' bagi perbelanjaan yang dilaburkan. Setiap penangguhan kelulusan dengan sendirinya meningkatkan 'holding cost', di samping meletakkan pihak swasta menghadapi kos lebih tinggi kerana kemungkinan berlaku kenaikan harga bahan input pengeluaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara optimistik meramalkan pakej yang diperkenalkan ini akan memperlihatkan hasil dalam tempoh tiga bulan.

Ramalan itu, insya-Allah menjadi nyata jika sektor awam dalam semangat persyarikatan Malaysia benar-benar memperlihatkan dan mengamalkan semangat bersedia membantu menjayakan usaha sektor swasta.

Kejayaan yang dicapai oleh pihak swasta memberikan sumbangan langsung kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dari segi menawarkan pekerjaan, menyediakan pelbagai perkhidmatan, meningkatkan permintaan kepada pelbagai bahan input pengeluaran dan mendatangkan hasil kepada kerajaan melalui pelbagai cukai.

Di negara maju, kejayaan sektor swasta juga cermin yang memperlihatkan kecekapan pihak kerajaan dalam sistem penyampaiannya sehingga menjadi pemangkin utama menarik minat pelabur dari dalam dan luar negara.

Perkhidmatan awam di negara ini adalah antara barisan pertama yang mendapat faedah segera secara langsung daripada strategi baru yang diumumkan dengan imbuhan berbentuk bonus setengah bulan gaji.

Adalah diharapkan penghargaan dan rasa syukur mereka kepada anugerah daripada kerajaan itu dicerminkan dengan keazaman secara memperlihatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. Ini bagi membantu agar usaha pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dapat dicapai dengan lebih pesat.

Sektor swasta meletakkan harapan tinggi kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman dan jentera perkhidmatan awam untuk

bertindak sebagai fasilitator berkesan dan cekap, bersifat mesra pelanggan dan memahami tekanan yang sedang dialami oleh pihak swasta dalam menghadapi senario ekonomi semasa.

Sektor swasta amat menghargai jika jentera perkhidmatan awam dapat meminimumkan rasa kecewa dan ketidaktentuan pihak swasta yang kini diharapkan oleh negara untuk menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi.

Dalam meletakkan harapan itu, kami berharap supaya kerajaan dapat menyediakan kemudahan satu perkhidmatan talian terus (hotline) alam pengawasan KSN bagi membantu pihak swasta menyampaikan rintihan jika menghadapi masalah birokrasi yang sering kali melengah dan melewatkan mereka daripada bergerak segera.

ZAIN AZIL,
Kuala Lumpur.